



HOSPITAL SULTAN ABDUL AZIZ SHAH
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
Kod Dokumen: HSAAS/RADIO/AK25

ARAHAN KERJA PENGENDALIAN TEMUJANJI
PEMERIKSAAN RADIOLOGI

1.0 TUJUAN

Arahan Kerja ini merangkumi semua panduan kepada kakitangan Jabatan Radiologi bagi perkara pengurusan penempatan temujanji dilakukan secara efisien dan berkesan.

2.0 TERMINOLOGI DAN SINGKATAN *(sekiranya perlu sahaja)*

PTPO	: Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)
JX	: Juru X-Ray
PPK	: Pembantu Perawatan Kesihatan
MO	: Pegawai Perubatan
P	: Pakar

3.0 ARAHAN

Bil	Tindakan	Tanggungjawab
1.	Terima borang permohonan beserta borang keizinan pesakit (jika berkenaan) melalui pesakit/waris/MO/PPK/tiub pneumatik	PTPO
2.	Panggil pesakit/pemohon melalui sistem QMS /secara lisan.	JX
3.	Kenalpasti dan sahkan pengenalan pesakit: <ul style="list-style-type: none">● Nama Pesakit● Nombor Kad Pengenalan● No Pendaftaran Pesakit (UPMXXXXXXXX) Kenalpasti maklumat pemeriksaan adalah sah dan lengkap: <ul style="list-style-type: none">● Indikasi Klinikal● Modaliti Pengimejan yang diperlukan● Tanda tangan pemohon● Nama Pakar Perubatan yang terlibat dengan tanda tangan Kenalpasti status permohonan temujanji: i. Pesakit <i>outpatient</i> <ul style="list-style-type: none">● Segera● Temujanji awal● Temujanji Biasa ii. Pesakit <i>inpatient</i> <ul style="list-style-type: none">● Segera● Temujanji awal	JX
4.	Lakukan proses <i>vetting</i>	MO



**HOSPITAL SULTAN ABDUL AZIZ SHAH
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
Kod Dokumen: HSAAS/RADIO/AK25**

**ARAHAN KERJA PENGENDALIAN TEMUJANJI
Pemeriksaan Radiologi**

Bil	Tindakan	Tanggungjawab
5.	Kenalpasti maklumat lanjut daripada pesakit iaitu: <ul style="list-style-type: none"> ● Status mengandung dari pesakit wanita yang berpotensi mengandung. ● Tarikh terkini haid (bagi pesakit wanita) ● Status fungsi buah pinggang (<i>renal profile</i>) bagi pemeriksaan berkontras. ● Borang keizinan menjalankan prosedur radiologi yang memerlukan pemberian kontras media hsaas/radio/br02 telah dilengkapkan. ● Status implan bagi pemeriksaan mri. Borang <i>special consent of patient with implant for mri procedure</i> hsaas/radio/br62 telah lengkap. ● Status alergi/asma/penyakit lain yang memerlukan pemberian rawatan sebelum pemeriksaan (pemberian steroid). 	JX
6.	Penetapan tarikh temujanji dengan: <ol style="list-style-type: none"> i. Pesakit <i>outpatient</i> - persetujuan dari pesakit. ii. Pesakit <i>inpatient</i> - mengikut slot temujanji yang sedia ada. 	JX
7.	Bagi pesakit yang memerlukan pemeriksaan dengan pemberian ubat sedasi/ <i>general anaesthesiology</i> , hubungi Jabatan Anestesiologi dan Rawatan Rapi untuk tindakan selanjutnya.	JX
8.	Dapatkan maklumat berikut dari pesakit untuk proses pengesahan/tindakan susulan sebelum tarikh temujanji: <ol style="list-style-type: none"> i. Nombor telefon untuk dihubungi ii. Nombor telefon waris untuk dihubungi. iii. Status pembayaran caj pemeriksaan (surat jaminan/pesakit berbayar) untuk Pesakit <i>outpatient</i> sahaja. 	JX
9.	Beri borang persediaan/slip berkaitan dan penerangan persediaan sebelum pemeriksaan kepada pegawai perubatan/wakil pesakit seperti: <ul style="list-style-type: none"> ● Keperluan untuk pesakit berpuasa ● Keperluan untuk tidak mengambil sesetengah makanan yang mengganggu pemeriksaan ● Pemberhentian pengambilan ubat ubatan tertentu ● Keperluan mengambil ujian darah ● Keperluan mengambil ubat pra pemeriksaan 	JX
10.	Serahkan slip persediaan kepada pesakit/waris/MO/wad/melalui tiub pneumatik.	JX
11.	Beri <i>Slip Query</i> kepada pesakit/wad untuk diserahkan kepada klinik utama/MO (jika perlu).	JX